

09 MAR 2001

Mahathir-Umno

JANGAN GUNA NAMA PEMIMPIN UNTUK BERTANDING, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan calon-calon yang ingin bertanding pada pemilihan Umno peringkat bahagian supaya jangan menggunakan nama pemimpin parti untuk meraih sokongan.

Perdana Menteri berkata, mereka harus bertanding atas keupayaan sendiri dan bukan menjadi calon mana-mana pihak.

"Kita minta mereka yang ingin bertanding jangan cuba guna nama pemimpin, ada yang mendakwa calon presiden, ada yang kata dia calon yang direstui presiden melalui "mama" iaitu isteri saya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata setakat ini ibu pejabat parti telah menerima satu laporan mengenai penggunaan nama pemimpin untuk tujuan pertandingan dalam pemilihan parti itu.

"Saya (sendiri) tak tahu isteri saya dipanggil mama," katanya sambil tersenyum.

Dr Mahathir berkata, calon-calon tidak boleh menggunakan nama beliau atau Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin lain untuk tujuan pertandingan.

MT juga membuat keputusan hari ini bahawa seseorang anggota yang mempunyai jawatan dalam kerajaan tidak semestinya perlu bertanding bagi merebut merebut jawatan dalam bahagian kalau mereka tidak mempunyai jawatan di peringkat itu.

"Kalau dia dah jadi, itu dia punya haklah, tapi anggapan bahawa orang yang memegang jawatan dalam kerajaan mestilah memegang jawatan dalam parti, itu bukanlah dasar parti Umno," katanya.

Beliau berkata, bagi mereka yang berkenaan itu, tidak bertandingpun tidak mengapa.

Ketika ditanya sama ada ibu pejabat parti menerima aduan mengenai salahlaku lain dalam urusan pemilihan parti peringkat bahagian, Dr Mahathir berkata: " adalah tiap-tiap orang kata calon yang lawan dia tu guna duit, tapi kedua-dua belah tuduh benda yang sama.

"Tetapi saya tidak fikir duit diguna dengan banyak, mungkin adalah guna minum kopi, so far tiak ada bukti, nampak baik sikitlah pemilihan kali ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, MT telah memutuskan hari ini untuk melanjutkan kepada 40 tahun had umur bagi seseorang yang memegang jawatan ketua Puteri Umno.

Bagaimanapun, had umur untuk anggota lain dalam Puteri kekal pada 35 tahun.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz meminta mereka yang berminat untuk memberi sumbangan kepada Umno melalui Puteri supaya tampil menyertainya.

Katanya, pergerakan itu setakat ini hanya menerima satu nama daripada seorang usahawan yang menyatakan hasrat untuk menyertai Puteri dan masih menunggu nama-nama lain bagi membolehkan pembentukan jawatankasa penajanya.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, pada masa ini lebih ramai yang berminat untuk menyertai Wanita Umno dan agak sukar untuk mencari anggota baru dalam lingkungan umur Puteri untuk menyertai pergerakan baru itu.

-- BERNAMA

AFY MS SHS FAZ